

**PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN
DI UNIT KEBAJIKAN PELAJAR JPPeI**

1. Menguruskan Permohonan Bantuan Daripada Tabung Kebajikan Pelajar:

- 1.1 Mengurus Bantuan Tabung Kebajikan Pelajar bagi Kematian Pelajar
- 1.2 Mengurus Tabung Kebajikan Pelajar Bagi Kematian Waris
- 1.3 Mengurus Tabung Kebajikan Pelajar Bagi Kemasukan Wad
- 1.4 Mengurus Tabung Kebajikan Pelajar Bagi Kes-Kes Khas:

- Bencana
- Kecurian
- Sakit Kronik

Dokumen yang diperlukan:

- Surat Permohonan Pelajar
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Matrik
- Laporan Polis } Kes Kecurian/Bencana
- Surat Masuk/Keluar Hospital } Sakit Kronik
- Salinan Sijil Kematian Waris /Pelajar } Kes Kematian Pelajar/
- Salinan Sijil Permit Pengkebumian } Waris

Carta alir TKP seperti **Lampiran A**

- 1.5 Mengurus Skim Insuran Berkelompok Pelajar bagi Kes Kemalangan/ Meninggal dunia

Dokumen yang diperlukan:

- Surat Permohonan Pelajar
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Matrik
- Laporan Polis
- Surat Masuk/Keluar Hospital
- Laporan Doktor (Asal)
- Salinan Sijil Kematian Pelajar
- Salinan Sijil Permit Pengkebumian

- 2. Mengurus Pengurusan Jenazah Pelajar Meninggal Dunia di Kampus
- 3. Mengurus Bantuan Zakat Pelajar

Dokumen yang diperlukan:

- Surat Permohonan Pelajar
- Salinan Slip Gaji/Surat Pengesahan Pendapatan Ibu/Bapa
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Matrik

4. Kemudahan Elaun Bulanan Bagi Pelajar Kurang Upaya (OKU)

Dokumen yang diperlukan:

- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Kad Matrik
- Salinan Kad OKU
- Salinan Buku Akaun Bank Islam
- Slip penyata peperiksaan terkini

(Semua salinan hendaklah disahkan terlebih dahulu)

5. Mengurus Permohonan Penajaan Biasiswa/Pinjaman

Dokumen yang diperlukan:

- 5.1 Permohonan pinjaman PTPTN terbuka kepada semua pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Ijazah Sarjana, Doktor Falsafah dan beberapa Kursus Profesional samada secara sepenuh atau separuh masa.
- 5.2 Pelajar **Lepasan Diploma/ Ijazah Pertama/ Ijazah Sarjana** yang pernah mendapat pinjaman PTPTN dan ingin memohon semula pinjaman untuk peringkat pengajian yang lebih tinggi **mesti mengemukakan Surat Penangguhan Bayaran Balik pinjaman yang diperolehi semasa pengajian terdahulu**. Pelajar boleh memuat turun surat penangguhan bayaran balik dari laman web PTPTN <http://www.ptptn.gov.my>.
- 5.3 Pelajar yang telah mendapat pinjaman PTPTN untuk pengajian terdahulu tetapi gagal menamatkan pengajian atau mendapat penaja lain boleh memohon pinjaman kali kedua untuk meneruskan pengajian mereka setelah kesemua hutang pinjaman terdahulu diselesaikan.

Syarat-syarat yang perlu sebelum memohon pinjaman

- Pelajar diwajibkan membuka Akaun SSPN
- Beli pin No. PTPTN di mana-mana Cawangan Bank Simpanan Nasional (RM5.00)
- Pelajar perlu mempunyai akaun individu BIMB untuk bayaran pinjaman pendidikan masuk ke akaun pelajar.
- Permohon boleh layari laman web [http://epinjaman](http://epinjaman.ptptn.gov.my) ptptn.gov.my
- Untuk mengetahui maklumat tarikh permohonan yang telah ditetapkan untuk IPT masing-masing sila layari Laman wep <http://www.ptptm.gov.my>

Dokumen yang perlu diserahkan oleh pelajar (Berjaya ditawarkan):

- Senarai semak - 2 salinan
- Dokumen tawaran - 2 salinan
- Dokumen perjanjian dan jaminan - 2 salinan
- Dokumen sokongan - 1 salinan (Sijil akademik)
- Butiran maklumat permohonan pelajar - 1 salinan

5.4 Pelajar layak memohon pinjaman pendidikan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut :-

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;
- iii. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana matapelajaran;
- iv. Lulus SPM bagi pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti dan Diploma Politeknik dengan syarat memperoleh CGPA 3.0 dan ke atas;
- v. Bagi pelajar-pelajar IPTA/IPTS/Politeknik, mereka hendaklah telah mendaftar untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTA/IPTS)/ Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah telah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- vi. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di perenggan (v) di atas.
- vii. Tiada penaja lain.
- viii. Baki tempoh pengajian semasa memohon tidak kurang dari satu tahun.
- viii. Pinjaman pendidikan PTPTN memerlukan 2 penjamin yang terdiri daripada ibu dan bapa pemohon/peminjam.
- x. Mulai 1 Januari 2008, pemohon/ibubapa pemohon/penjaga pemohon yang sah hendaklah mempunyai akaun SSPN.
- xi. Syarat-syarat kelayakan lain yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.

Dokumen sokongan yang perlu disertakan semasa memohon pinjaman:

- (i) Salinan Kad Pengenalan Pemohon (salinan muka depan dan belakang kad pengenalan pada satu helaian yang sama)
- (ii) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
(salinan transkrip keputusan peperiksaan SPM hanya diterima jika tahun peperiksaan tidak melebihi tempoh DUA TAHUN dari tahun pinjaman PTPTN dibuat)
- (iii) Salinan Surat Tawaran daripada IPT

- (iv) Salinan transkrip keputusan peperiksaan atau sijil kelayakan masuk lain. (contoh: STPM/ Diploma/ Matrikulasi/ Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana (Master) (surat pengesahan tamat pengajian dari IPT perlu disertakan jika pemohon belum menerima sijil dan tiada pengesahan tamat pada transkrip peperiksaan
- (v) Salinan buku/penyata nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing
- (vi) Salinan slip gaji atau Kad Pesara Kerajaan atau Borang Pengesahan Pendapatan (EA/EC) atau Borang Pengesahan Pendapatan Ibu Bapa / Penjaga dan Pasangan Penjaga / Pemohon dan Pasangan; borang cukai pendapatan/ surat pengesahan pendapatan /kad pesara ibu/bapa/penjaga
- (iii) Salinan Surat Pengesahan / Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat / Pusat Zakat, sekiranya pemohon / ibu / bapa / penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan;
- (iv) Salinan Kad keahlian SSPN/ slip deposit SSPN/ penyata akaun SSPN/ cetakan penyata akaun SSPN dari laman web PTPTN;
- (v) Salinan Kad Pengenalan ibu dan bapa kandung pemohon (salinan muka depan dan belakang kad pengenalan pada satu helaian yang sama)
- (vi) Salinan Sijil Kematian/ Akuan Sumpah/sijil kematian sekiranya ibu atau bapa kandung meninggal dunia atau tidak dapat dikesan
 - Bagi pelajar yang mengemukakan permohonan pada semester 2 dan ke atas, tambahan dokumen sokongan berikut diperlukan:
 - (i) Surat pengesahan masih belajar dari IPT; dan
 - (ii) Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.

(Setiap dokumen sokongan hendaklah difotostat dengan menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan oleh pegawai yang layak.)

5.5. Pegawai Yang Layak Mengesahkan Dokumen

Pengesahan hanya boleh dibuat sama ada oleh Wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pengamal Undang-undang, Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai, Pengetua, Guru Besar Sekolah (Sekolah Kerajaan Sahaja), Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera Berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Penggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum atau Mukim yang Bertauliah)

5.6 Keperluan Setem Hasil Bagi Dokumen Jaminan

Pelajar-pelajar dikehendaki menyediakan Setem Hasil bernilai RM10 setiap satu untuk dilekatkan pada empat (4) salinan asal dokumen perjanjian (bergantung kepada jumlah penjamin).

Kaedah Permohonan Pinjaman


Maklumat mengenai kaedah permohonan pinjaman PTPTN bolehlah didapati daripada laman web PTPTN <http://www.ptptn.gov.my> bermula 1 Jun 2008.

Carta alir PTPTN seperti **Lampiran B**.

6. Mengurus Permohonan Biasiswa/Pinjaman Tajaan Lain-lain.

Sebarang pertanyaan dan perubahan maklumat mengenai tarikh penyerahan surat perjanjian PTPTN akan dimaklumkan kemudian. Sila hubungi Pejabat Unit Kebajikan Pelajar atau samb. 89215316/4367/4368.

CARTA ALIR PERMOHONAN PINJAMAN/BIASISWA



LAMPIRAM A

CARTA ALIR PERMOHONAN BANTUAN TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR

